

SUSULAN TEBING SUNGAI RAWANG RUNTUH

Penduduk trauma kejadian berulang



Kerja-kerja penyambungan semula paip air giat dijalankan oleh pekerja kontraktor Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd di kawasan tanah runtuh Taman Idaman, Serendah, semalam.

➔ JPS didakwa tidak keluar sebarang notis kerja pemendapan

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Rawang

Penduduk di Taman Bersatu 20, di sini, trauma dengan insiden tanah runtuh di kawasan tebing Sungai Rawang yang berlaku betul-betul di belakang rumah mereka akibat projek pemendapan tanah dijalankan Jabatan Pengairan dan

Saliran (JPS) sejak 10 Oktober lalu. Projek itu juga didakwa tidak sesuai dijalankan berikutan risiko banjir kilat dan hujan lebat, terutama menjelang akhir tahun ini.

Eksekutif teknologi maklumat (IT), Mohamad Zaini Mohd Zain, 52, berkata lebih mengecewakan lagi, JPS tidak mengeluarkan sebarang notis kepada penduduk bagi memaklumkan kerja pemendapan tanah sedang dilakukan.

Penduduk bimbang

"Bila kami tanya kontraktor, mereka hanya menjawab menda-pat arahan daripada pihak atasan.

"Mereka (JPS) perlu bertanggungjawab. Kejadian seumpama ini tidak boleh dipandang remeh kerana membabitkan keselamatan dan nyawa orang ramai," katanya.

Sementara itu, eksekutif bank, Mohd Zulkhairie Abdullah, 46, bersyukur ahli keluarganya selamat, walaupun dinding di kawa-

san belakang rumahnya retak.

"Rumah saya terletak berhampiran kawasan tebing yang runtuh. Jika hujan tidak berhenti, saya bimbang rumah saya tenggelam. Saya berharap pihak JKR dapat menyiapkan segera pemasangan cerucuk besi bagi mengukuhkan tebing tanah," katanya.

Mekanik, Chong Fook Seng, 45, pula berkata walaupun kejadian berkenaan tidak meragut nyawa, penduduk tetap bimbang dan mahu pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan segera sebelum situasi lebih buruk berlaku.

"Saya boleh menarik nafas lega kerana bencana itu tidak meragut nyawa keluarga. PBT mesti peka dalam memastikan keselamatan penghuni rumah dan mereka yang tinggal di sekitar di kawasan lereng serta cerun sungai yang dijadikan kawasan projek pemendapan tanah," katanya.

Buat sementara waktu penduduk terbabit ditempatkan di Dewan Serbaguna Rawang.

Teliti struktur rumah

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menggesa JPS menjalankan kerja penambahbaikan tebing Sungai Rawang secepat mungkin berikutan pihaknya sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM800,000 mem-babitkan kos pengukuhan tebing dan pemasangan cerucuk dan ia dijangka siap antara satu hingga dua minggu mengikut cuaca semasa.

"Apabila kerja penambahbaikan siap, kami akan baiki kerosakan sembilan rumah yang terkesan dengan kejadian itu, namun pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Daerah Rawang dan PBT akan meneliti struktur rumah berkenaan sebelum membenarkan

penghuni kembali menetap di rumah terbabit.

"Dalam tempoh ini, kerajaan negeri akan menyediakan rumah sementara berdekatan dengan rumah mereka (mangsa tanah runtuh), selain bersetuju menanggung kos sewa rumah berkenaan," katanya ketika ditemui media, di sini, semalam.

Terdahulu, Azmin pada sidang media di Taman Idaman, Serendah di Kuala Kubu Bharu, berkata kerajaan negeri memperuntukkan RM5 juta membaik pulih jalan raya dan kawasan terjejas susulan tanah runtuh di taman itu Sabtu lalu.

Katanya, kerja baik pulih itu hanya akan dilakukan JKR se-jurus menerima laporan penuh daripada pasukan geofizik Jabatan Mineral dan Geosains.

"Langkah susulan itu adalah untuk jangka masa pendek dan panjang bagi mengelak situasi sama daripada berulang," katanya.